





14

PERSEPSI PENSYARAH TERHADAP PERSEKITARAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN UMUM UNIVERSITI DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, SKUDAI, JOHOR DARUL TAKZIM

NORHANI BTE BAKRI
NOOR ZAINAB BTE ABD RAZAK
HAMIDAH BTE AB RAHMAN
ISHAK BIN MAD SHAH
ROZIANA BTE SHAARI
FADILLAH BTE ZAINI

PENGENALAN

Persekitaran pengajaran dan pembelajaran di Malaysia pada masa kini telah banyak mengalami perubahan. Jika sebelum tahun 1990an, pengajar bergantung sepenuhnya kepada kaedah “chalk and talk”, kini selari dengan perkembangan teknologi, kebanyakan persekitaran pengajaran dan pembelajaran (P&P) mula dilengkapi dengan sumber berasaskan teknologi seperti OHP, LCD, video dan komputer. Selain itu, dengan wujudnya teknologi cetakan, alat bantu pandang-dengar, media, sistem berdasarkan komputer, pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan. Infra struktur dan persekitaran P&P yang kondusif dan berkualiti ini dapat membantu proses pemindahan pembelajaran yang berkesan.



Faktor persekitaran mempunyai kesan penting terhadap proses P&P kerana ia melancarkan proses pemindahan ilmu. Proses P&P harus berlangsung dalam suasana yang kondusif agar pelajar dapat belajar tanpa mengalami sebarang gangguan dan pengajar pula dapat mengajar dengan lancar dan baik tanpa perlu memikirkan masalah yang mungkin timbul akibat daripada persekitaran yang kurang selesa. Sejajar dengan visi universiti untuk menjadi universiti penemuan bertaraf dunia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berusaha menyediakan persekitaran P&P yang terbaik untuk pelanggan dalaman (ahli akademik) serta pelanggan luarnya (pelajar). Daripada perspektif pemasaran, dengan memenuhi kehendak pelanggan dalaman, organisasi dapat meningkatkan keupayaan untuk memuaskan kehendak pelanggan luaran. Sebagai organisasi berorientasikan perkhidmatan, adalah penting bagi UTM untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas daripada pelanggan dalaman dan pelanggan luarnya agar kualiti perkhidmatan dapat diperbaiki secara berterusan. Maklum balas pelanggan adalah penting kerana kunci kepada perkhidmatan yang berkualiti ialah memahami kepuasan pelanggan. Persepsi dan harapan pelanggan memainkan peranan penting dalam membentuk kepuasan.

Persepsi persekitaran dalam kajian ini tertumpu kepada sikap pelajar (minat, kehadiran, perlaksaan tugas), kemudahan fizikal (keadaan dan kesesuaian bilik kuliah, kemudahan membuat penilaian, alat bantu mengajar) dan lain-lain perkhidmatan (pengagihan waktu kuliah, tempat meletak kenderaan). Kajian persekitan P&P dirasakan penting kerana para pensyarah yang terlibat akan memberi perkhidmatan pengajaran ke seluruh fakulti di UTM. Dari semasa ke semasa timbul berbagai rungutan di kalangan pensyarah yang terlibat dengan sikap pelajar, kesesuaian jadual waktu yang diberikan oleh fakulti masing-masing, . Mata pelajaran umum universiti di UTM merupakan mata pelajaran yang diwajibkan kepada semua pelajar UTM sebagai satu mata pelajaran yang dipertanggung jawab untuk menghasilkan graduan UTM yang bertanggung jawab kepada agama, masyarakat dan negara.



2.0 MATA PELAJARAN UMUM

Mata pelajaran yang diwajibkan kepada semua pelajar UTM. Mata pelajaran ini meliputi kesemua matapelajaran dibawah pengendalian Jabatan Pembangunan Sumber Manusia dan Jabatan Bahasa Moden di Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia dan Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial. Antara visi mata pelajaran umum ialah untuk menghasilkan graduan yang berketrampilan dan bertanggungjawab kepada agama, bangsa, Negara dan masyarakat global. Mata pelajaran tersebut juga membawa misi untuk melahirkan graduan yang berperibadi mulia, peka terhadap perkembangan dan keperluan nasional, global serta bertanggungjawab kepada profesi masing-masing untuk kebaikan masyarakat setempat dan sejagat.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pensyarah terhadap persekitaran pengajaran dan pembelajaran (P&P) mata pelajaran umum universiti di UTM, Skudai, Johor. Seramai 55 orang yang mengajar subjek umum Universiti telah dipilih secara rawak mudah sebagai subjek kajian. Mereka ini adalah pensyarah dari dua jabatan di Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM) iaitu Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPSM), Jabatan Bahasa Moden (JBM); dan Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS). Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik. Data di analisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan tahap persekitaran P&P mata pelajaran umum Universiti, manakala statistik inferensi (ANOVA dan Ujian-t) digunakan untuk mengenalpasti perbezaan persepsi pensyarah terhadap persekitaran P&P.

4.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN



Keputusan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, tahap persekitaran P&P mata pelajaran umum adalah sederhana ($Min=2.34$). Berdasarkan faktor sikap pelajar bagi kriteria minat, didapati 69.1% pensyarah berpendapat bahawa pelajar mepunyai minat yang tinggi terhadap mata pelajaran umum. Selebihnya (30.9%) pensyarah menyatakan pelajar kurang berminat terhadap matapelajaran umum. Manakala 23.7% pensyarah menyatakan bahawa kehadiran pelajar tidak memuaskan, dan 25.4% pelajar tidak dapat melaksanakan tugas dengan baik.

Peratusan bagi pelajar yang kurang berminat, kehadiran tidak memuaskan dan tidak dapat melaksanakan tugas dengan baik adalah agak tinggi dan boleh menjelaskan keberkesanan P&P bagi mata pelajaran umum. Keadaan kurang minat inilah yang menyebabkan kadang-kala pelajar selalu tidak hadir kuliah tanpa sebab, bersikap acuh tak acuh semasa sesi pembelajaran dan mengambil sikap sambil lewa dalam menyediakan tugas. Hasil dapatan ini juga dapat disokong oleh pandangan pensyarah dalam soalan terbuka yang mengatakan bahawa ramai pelajar tidak faham tentang perihal pentingnya mata pelajaran ini yang menyebabkan pensyarah yang mengajar juga dianggap tidak penting dan tidak dilayan sewajarnya. Ini menyebabkan terdapat pelajar yang menukar seksyen tanpa memaklumkan kepada pensyarah terlebih dahulu. Keadaan ini menimbulkan berbagai masalah seperti pelajar tidak dapat dikesan sehingga ke akhir semester.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden kurang berpuas hati terhadap kemudahan fizikal yang disediakan dalam P&P mata pelajaran umum Universiti seperti LCD, papan putih, OHP dan penghawa dingin ($Min=2.04$). Namun begitu, secara keseluruhannya majoriti (80%) pensyarah tidak berpuas hati terhadap kemudahan fizikal terutama keadaan bilik kuliah seperti ruang, kebersihan, susunatur meja dan kerusi dan kesesuaian bilik kuliah bagi menampung bilangan pelajar yang ramai, dan kemudahan untuk mengadakan ujian dan penilaian. Penemuan kajian ini juga mendapati pensyarah berpuas hati terhadap pengagihan masa perkuliahan (65.5%). Walau bagaimanapun, masih lagi terdapat sebilangan besar (34.5%)



pensyarah berpendapat sebaliknya. Ini adalah kerana seringkali jadual waktu bagi mata pelajaran umum ini adalah pada waktu yang kurang sesuai seperti pada waktu tengahari dan lewat petang yang mana pada ketika ini pelajar telah keletihan dan kurang dapat memberi tumpuan kepada pelajaran.

Berkenaan dengan lain-lain perkhidmatan, keputusan kajian menunjukkan bahawa pensyarah yang mengajar mata pelajaran umum ini berpendapat ianya ditahap sederhana memuaskan ($\text{Min}=2.69$). Mereka memberikan komen tentang kurangnya pemantauan pihak fakulti terhadap pertukaran seksyen di kalangan pelajar bagi memenuhi keperluan mata pelajaran teras fakulti. Di sini jelas menggambarkan pihak fakulti juga merasakan bahawa mata pelajaran umum tidak begitu penting dan seolah-olah tidak diberikan keutamaan dalam segala segi. Tambahan pula majoriti (78.2%) pensyarah tidak berpuas hati dengan kemudahan meletak kenderaan yang disediakan oleh pihak fakulti di fakulti yang berkenaan. Akibatnya, kelancaran P&P mata pelajaran umum terjejas disebabkan pensyarah berkenaan terpaksa bertungkus lumus mencari tempat untuk meletakkan kenderaan dan ini menyebabkan pensyarah selalu terlewat memulakan kuliah.

| Perkara | Tahap Rendah | Tahap Sederhana | Tahap Tinggi | | | |
|-------------------|--------------|-----------------|--------------|------|----|------|
| | f | % | f | % | f | % |
| Sikap pelajar | 6 | 10.9 | 18 | 32.7 | 31 | 56.4 |
| Kemudahan fizikal | 9 | 16.4 | 35 | 63.6 | 11 | 20.0 |
| Lain-lain khidmat | 4 | 7.3 | 9 | 16.4 | 42 | 76.4 |

Min Sikap pelajar = 2.45,
Lain-lain khidmat = 2.69

Kemudahan fizikal = 2.04,
Min Keseluruhan = 2.33

Jadual 1: Tahap Persekutaran Pembelajaran dan Pengajaran Mata Pelajaran Umum



Keputusan kajian yang diperolehi menunjukkan ketiga-tiga faktor pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran umum dipersepsikan secara berbeza-beza oleh penyarah lelaki dan wanita yang mengajar mata pelajaran umum ini. Ini boleh dilihat pada nilai t bagi faktor sikap pelajar ($t = 2.538, p < 0.05$), kemudahan fizikal ($t = 3.590, p < 0.05$) dan lain-lain perkhidmatan ($t = 2.654, p < 0.05$). Nilai Min telah digunakan sebagai perbandingan untuk mengetahui antara penyarah lelaki dan wanita siapa yang lebih berpersepsi positif terhadap ketiga-tiga faktor pengajaran dan pembelajaran tersebut. Keputusan yang diperolehi menunjukkan penyarah lelaki lebih berpersepsi positif terhadap ketiga-tiga faktor tersebut berbanding penyarah wanita. Bagi faktor sikap pelajar min penyarah lelaki ialah 12.18 manakala min penyarah wanita ialah 10.85. Kemudahan fizikal (min penyarah lelaki = 38.07, min penyarah perempuan = 33.25) dan lain-lain perkhidmatan (min penyarah lelaki = 12.18, min penyarah wanita = 10.25)

| Faktor | Jantina | Min | Sisihan Piawai | Nilai t | Sig |
|-------------------|---------|-------|----------------|---------|------|
| Sikap Pelajar | Lelaki | 12.18 | 2.04 | 2.54 | .014 |
| | Wanita | 10.85 | 1.84 | | |
| Kemudahan Fizikal | Lelaki | 38.07 | 5.24 | 3.59 | .001 |
| | Wanita | 33.25 | 4.71 | | |
| Lain-lain Khidmat | Lelaki | 12.18 | 2.35 | 2.65 | .010 |
| | Wanita | 10.25 | 3.00 | | |

* $p < 0.05$

Jadual 2: Perbezaan persepsi terhadap persekitaran pembelajaran dan pengajaran mengikut jantina



Kesimpulan

Secara keseluruhannya pensyarah mempersepsikan persekitaran P&P mata pelajaran umum di fakulti-fakulti di seluruh UTM sebagai berada pada tahap sederhana. Pada persepsi pensyarah, pelajar mempunyai minat yang tinggi terhadap mata pelajaran umum. Pelajar yang tidak berminat biasanya tidak hadir kuliah tanpa sebab, bersikap acuh tidak acuh semasa sesi pembelajaran dan bersikap sambil lewa dalam mentiaskan tugas. Dari segi kemudahan fizikal, pensyarah hanya berpuas hati terhadap kemudahan peralatan pengajaran seperti LCD, papan putih, OHP dan penghawa dingin tetapi ramai yang tidak berpuas hati dengan keadaan bilik kuliah seperti ruang, kebersihan, susun atur meja dan kerusi, kesesuaian bilik kuliah dengan jumlah pelajar dan kemudahan untuk mengadakan ujian dan penilaian. Dari segi perkhidmatan, pensyarah mendapati kurangnya pemantauan pihak fakulti terhadap pertukaran seksyen di kalangan pelajar bagi memenuhi keperluan mata pelajaran teras fakulti. Pensyarah merasakan bahawa pihak fakulti kurang memberi keutamaan terhadap P&P bagi mata pelajaran umum di UTM.

Cadangan

Meningkatkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan mata pelajaran umum menerusi ceramah umum berkala untuk semua pelajar yang disampaikan oleh tokoh utama dalam bidang berkaitan.

Mempelbagaikan kaedah P&P dengan mengadakan lawatan sambil belajar ke institusi-institusi berkaitan.

Menyediakan ruang dalam P&P bagi melaksanakan khidmat masyarakat supaya pelajar didedahkan dengan kehidupan sebenar masyarakat di luar.

Menaik taraf semua dewan kuliah utama dan bilik-bilik kuliah di semua fakulti kepada ‘Smart Classroom’ sesuai dengan WCU.



RUJUKAN

- Abu Zahari (1992). **Psikologi Pendidikan Untuk Guru**, Petaling Jaya: Pustaka Delta Pelajaran Sdn Bhd.
- American Schools and University (2001). **Into Thin Air**, American Schools and University, February 2001, Vol. 73, Issue 6, 32.
- American Federations of Teachers (1997). **Your School Building: Is It in Good Shape?**, New Jersey Avenue, Washington D.C.
- Krejcie, R. V. and Morgan, D. W. (1970), Determining Sample Size for Research Activities, **Educational and Psychological Measurement**, Vol. 30, pp. 607-610.
- Lembaga Akreditasi Negara (2002). **Garis Panduan Kriteria dan Standard Kursus Pengajian IPTS**, Lembaga Akreditasi Negara.
- Ordinan Pendaftaran Sekolah 1950 (Malaysia), Peraturan (AM) Sekolah
- Ramaniah, A. L (1999) **Kepimpinan Pendidikan, Cabaran Masa Kini**, Kuala Lumpur: IBSB Buku Sdn Bhd.
- Surat Pekeliling Iktisas N0. 1/1974**, Kementerian Pendidikan Malaysia